



Rujukan : UKM KKL. 3/224/2/4

Tarikh : 9 Jun 2021

SURAT EDARAN KEWANGAN BIL. 3/2021

Ketua-Ketua/ Pengurus-Pengurus
Jabatan/ Pusat/ Bahagian/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PENGUATKUASAAN TEMPOH PENGHANTARAN BORANG TUNTUTAN ELAUN KHAS COVID-19

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas dan untuk makluman YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, sehingga kini Jabatan Kewangan masih menerima borang tuntutan bagi pembayaran untuk Elaun Khas Covid-19 melebihi tempoh dua (2) bulan. Sehubungan itu, mulai dari tarikh surat edaran ini dikeluarkan, Jabatan Kewangan akan menguatkuasakan sepenuhnya pembayaran untuk Elaun Khas Covid-19 seperti ketetapan berikut:-

- i) Borang tuntutan hendaklah dikemukakan ke Jabatan Kewangan pada setiap 10hb bulan berikutnya;
- ii) Pembayaran tuntutan dibuat hanyalah untuk tempoh dua (2) bulan terkumpul dari bulan semasa sahaja yang akan dibayar; dan
- iii) Tuntutan yang melebihi tempoh dua (2) bulan tidak akan diproses dan akan dikembalikan kepada penama.

Pelaksanaan ini adalah selaras dengan Garis Panduan Pelaksanaan Bayaran Elaun Khas Bagi Doktor Dan Anggota Kesihatan Di HPU Di Bawah KPT Yang Terlibat Dalam Menangani COVID-19 rujukan JPT(G)1000/016/01 Jld. 3 (15) bertarikh 29 April 2020, Surat Edaran Kewangan Bil. 5/ 2020 serta Surat Makluman daripada Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar (KKL) bertarikh 31 Disember 2019.



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01547

UNIT BAYARAN, JABATAN KEWANGAN, HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ

d/a Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Tel.: +603-9145 5224/ 8316/ 5196/ 5195 Faks: +603-9145 6649 Web: <https://kewangan.hukm.ukm.my>

Sukacita YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat memaklumkan perkara ini kepada kakitangan yang terlibat dan segala kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,


WAN OMI BINTI HJ WAN YUSSOP C.A. (M)

Ketua

Jabatan Kewangan

Hospital Canselor Tuanku Muhriz

s.k - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01547

UNIT BAYARAN, JABATAN KEWANGAN, HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ

d/a Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Tel Tel.: +603-9145 5224/ 8316/ 5196/ 5195 Faks: +603-9145 6649 Web: <https://kewangan.hukm.ukm.my>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my